

UCAPAN Y.B. TAN SRI FATIMAH BTE. HAJI HASHIM,
P.M.N., YANG DI PERTUA MAJLIS KEBANGSAAN
PERTUBUHAN-PERTUBUHAN WANITA MALAYSIA, DISAMBUTAN
HARI WANITA NEGERI SELANGOR, PADA HARI JUMAAT,
25HB OGOS, 1972, JAM 4.30 PETANG BERTEMPAT DI
DEWAN AL-MALIK FAISAL, FAKULTI ISLAM, PETALING JAYA

Puan Pengurus serta ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan
Hari Wanita Negeri Selangor,

Para jemputan,

seterusnya puan-puan dan rakan-rakan perjuangan saya
yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Puan Pengurus serta Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Wanita Negeri Selangor kerana sudi memberi penghormatan kepada saya sebagai tetamu khas pada Perayaan Hari Wanita pada petang ini.

Pada lazimnya di perayaan-perayaan semacam ini, saya diminta berucap sebelum dimulakan pertunjukan-pertunjukan dan minuman teh, tetapi pada kali ini saya dapati penganjur-penganjur telah mengubah aturcara itu dengan diadakan pertunjukan-pertunjukan yang menarik serta minuman teh sebelumnya. Mungkin perubahan ini adalah hendak disesuaikan dengan Tema Hari Wanita iaitu "Gerakan Pembaharuan".

Kejayaan puan-puan semua mengendalikan berbagai-bagai acara ini adalah menunjukkan bahawa Pertubuhan Wanita adalah berkebolehan juga untuk merayakan satu-satu sambutan yang begitu meriah lagi bersejarah. Saya dapati Pertunjukan "pageant" yang telah dilakukan sebentar tadi itu adalah sangat menarik kerana ianya telah menggambarkan kegiatan-kegiatan wanita dalam segala lapangan serta kejayaan tercapainya perpaduan di antara berbagai-bagai kaum wanita di negeri ini.

Kita sekalian berasa bangga kerana kali ini seorang pemimpin wanita dari Jawatankuasa Wanita Soviet telah dapat bersama-sama hadir di Majlis perayaan Hari Wanita tahun ini. Tetamu kita yang saya maksudkan itu ialah Puan M.T. Stepaniants. Untuk makluman puan-puan sekalian, beliau ini adalah dalam siri lawatannya ke Malaysia, di atas undangan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia. Dalam siri lawatan ini, beliau dapat bersama-sama kita menyambut Hari Wanita yang mulia ini. Dengan lawatan beliau ke negara kita, Malaysia, kita berharap akan dapat bertukar-tukar pendapat dan pengalaman-pengalaman dengan beliau

beliau mengenai kegiatan-kegiatan kaum wanita, serta mengetahui pula kemajuan-kemajuan kaum wanita di negara beliau sendiri. Lawatan beliau ini sungguhlah berfaedah sekali, dan bagi pihak Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia, saya ucapkan terimakasih kepada Puan Stepaniants dan Kerajaan Soviet.

Bersempena dengan "Gerakan Pembaharuan" yang telah saya sebutkan tadi, kita semua perlulah membaharukan sikap, cara berfikir dan cara bertindak bagi melaksanakan rancangan-rancangan dan matlamat-matlamat perjuangan kita, bukan sahaja untuk kepentingan kedudukan kita sendiri, bahkan untuk kepentingan masyarakat dan untuk kemajuan serta kesejahteraan negara kita Malaysia.

Didalam kegembiraan dan kemeriahan sambutan Hari Wanita ini, kita tidak seharusnya melupai nasib segulungan anggota masyarakat kita yang malang dan kurang bernasib baik, oleh kerana miskin papa, melarat, cacat, tua dan janda-janda. Mereka yang menjadi janda adalah kerana akibat kematian suami-suami mereka tatkala menjalankan kewajipan mempertahankan kedaulatan negara. Mereka seperti ini mempunyai anak-anak yang perlu diberi asuhan, didikan dan pelajaran untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab di atas diri mereka sendiri, dan berguna kepada bangsa dan negara. Mereka yang bernasib malang seperti ini tidaklah patut kita biarkan keadaan mereka berterusan. Oleh itu, kita kaum wanita sekalian hendaklah membaharui azam kita pada hari yang mulia ini untuk bertindak terus menerus, membela nasib dan keadaan hidup mereka yang malang ini, dengan apa cara jua yang boleh, supaya keazaban dan kesengsaraan hidup mereka berkurangan.

Sejak mula dirayakan 10 tahun dahulu, Hari Wanita yang mulia ini telah disambut dan dirayakan tiap-tiap tahun dengan bermacam-macam acara perayaan yang meriah lagi berfaedah diseluruh tanah ayer, dari peringkat daerah dan kawasan hinggalah keperingkat negeri dan kebangsaan. Yang paling mengembirakan sekali ialah masyarakat pada keseluruhannya, bukan sahaja kaum wanita bahkan anak-anak dan kaum lelaki turut serta memberikan sokongan dan sambutan yang begitu menggalakan.

Saya sungguh berasa gembira sekali apabila mendapati di negeri-negeri lain, pertubuhan-pertubuhan wanita yang tidak bergabung dengan Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita turut bekerjasama menjayakan Perayaan Hari Wanita ini. Disamping itu, persatuan lain daripada persatuan wanita, seperti Kerajaan-kerajaan Negeri, jabatan-jabatan kerajaan peringkat negeri dan daerah, turut serta menyumbangkan bantuan dan kerjasama menjayakan perayaan tersebut. Jasa bakti mereka yang sungguh mengkagumkan ini, adalah disanjung tinggi serta dihargai oleh kaum wanita sekeliannya. Saya bersyukur kepada Allah dan berasa sangat-sangat gembira kerana mendapati perayaan Hari Wanita selama

ini dijayakan oleh semua pihak dan gulungan, dan tidaklah terhad kepada kaum wanita sahaja.

Oleh itu, sudah sampailah masa dan ketikanya bagi bangsa dan negara memberikan tanda penghormatan yang sewajarnya kepada jasa-jasa dan perjuangan-perjuangan kaum wanita selama ini. Sampailah masanya juga untuk Kerajaan memberikan tanda penghormatan kepada kaum wanita dinegara ini dengan mengisytiharkan tarikh 25hb. Ogos Hari Wanita Malaysia sebagai Hari Kelepasan Am diseluruh negara.

Pada hari yang mulia ini, kita kaum wanita sekalian perlulah membaharui keazaman dan perkuatkan kedudukan kita untuk memastikan bahawa kerajaan lambat laun akan menunaikan permohonan kita yang suci, ikhlas dan adil ini. Kita berazam untuk terus memperjuangkan hasrat kita ini, dengan aman tenteram, tanpa menggunakan tindakan-tindakan liar seperti di negara-negara lain, sehingga kita mendapat kejayaan.

Untuk makluman dan perhatian seluruh masyarakat dan Kerajaan juga, pada hari yang berbahagia ini, saya sukalah mengambil peluang ini untuk mengulangi lagi tujuan-tujuan sebenarnya Hari Wanita ini dirayakan.

Yang pertama tujuannya ialah untuk mengingatkan kembali jasa-jasa perjuangan, pengalaman-pengalaman dan kejayaan kita bersama dalam tempoh kebelakangan yang lalu seperti didalam lapangan pendidikan, dan asuhan, lapangan politik tanah ayer, lapangan perkhidmatan kebajikan, lapangan perjuangan meninggikan taraf kedudukan kaum wanita dan pengorbanan kaum wanita dalam masa darurat.

Tujuan yang kedua ialah untuk memperkukuhkan lagi semangat perpaduan dan saling faham memahami diantara berbagai kaum di negara ini.

Yang ketiga ialah untuk menyedari akan kepentingan kaum wanita meninggikan semangat untuk terus turut menyertai, bekerja dan berkhidmat bagi kepentingan masyarakat dan negara.

Tujuan yang ke empat pula ialah untuk mengutamakan penyertaan wanita didalam bidang-bidang kemajuan ekonomi, pertanian, perdagangan, perindustrian, sains dan teknologi.

Yang ke limanya pula ialah untuk memberi perangsang kepada kaum wanita seluruhnya supaya bergerak kehadapan untuk mencapai kemajuan dan kedudukan yang lebih baik mengikut kehendak-kehendak Piagam Bangsa-bangsa Bersatu.

Dengan ini, ternyatalah bahawa perayaan hari wanita yang amat mulia ini adalah menjadi perkara kebangsaan, untuk faedah masyarakat seluruhnya, dan tidak terhad kepada kepentingan-kepentingan satu-satu kaum sahaja. Oleh itu, memang wajarlah Kerajaan kita

memikirkan soal ini, dan memenuhi tuntutan-tuntutan kita.

Kita harus bersyukur kepada Tuhan kerana Kerajaan kita selama ini telah tidak pernah mengecewakan perjuangan-perjuangan kita. Dengan jasa-jasa Kerajaan dan kita bersama, maka banyaklah perjuangan-perjuangan kita telah berhasil mendapat kejayaan yang gemilang lagi menggalakkan. Kita menaruh harapan tinggi dan kepercayaan penuh kepada Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat, Tun Abdul Razak Al-Haj bin Dato Hussein.

Pada hari yang berarti lagi bersejarah ini, kita hendaklah memandang jauh ke hadapan, dan senantiasa bersiap sedia untuk meneruskan perjuangan-perjuangan kita disamping menjalankan tanggungjawab kita sendiri. Perjuangan-perjuangan kita untuk memperbaiki lagi kedudukan kita masih banyak lagi, kerana apa yang telah dicapai setakat ini, walaupun sangat menggalakkan, masih belum memadai lagi. Disamping itu juga, kita perlulah menjalankan tugas-tugas kita mendidik, mengasuh dan membimbing anak-anak kita yang bakal menjadi generasi yang akan mewarisi perjuangan kita dan negara Malaysia. Sebagai isteri, kita bertanggungjawab diatas kesempurnaan dan kebahagiaan rumahtangga dan keluarga kita, dan sebagai rakyat, kita sentiasa mencurahkan taat setia kita kepada Raja dan Negara. Pendek kata, kewajipan dan tanggungjawab kita kaum wanita adalah lebih berat dan lebih banyak daripada kaum lelaki.

Puan-puan yang dihormati sekalian,

Sebagai mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin memohon sekalian kaum wanita supaya menjadikan Hari Wanita yang mulia ini sebagai hari yang benar-benar berfaedah lagi berarti kepada kita sekalian.

Sekian. Terimakasih.